

Headline	Jangan sebar khabar angin tentang Tabung Haji Jamil Khir		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	6	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	189 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,735
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,206



## Jangan sebar khabar angin tentang Tabung Haji - Jamil Khir

**PASIR MAS 13 Nov.** - Semua pihak diingatkan supaya tidak menyebarkan khabar angin atau maklumat palsu berkaitan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) sehingga boleh menggugat kepercayaan rakyat di negara ini terhadap institusi tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, pelbagai khabar angin termasuk kononnya Tabung Haji akan bankrap sehingga tidak mampu membayar bonus atau dividen kepada pendeposit adalah tidak benar sama sekali.

Bagaimanapun, katanya, khabar angin tersebut langsung tidak menjejaskan operasi Tabung Haji apabila masyarakat terus yakin dan jumlah pendeposit dilihat semakin meningkat

dari semasa ke semasa.

“Sehingga kini, keyakinan pencarum terhadap Tabung Haji semakin pulih apabila mencatat jumlah simpanan yang terus bertambah dengan jumlah simpanan lebih besar.



**JAMIL KHIR  
BAHAROM**

“Malah, statistik pendeposit juga menunjukkan peningkatan setiap bulan, berbanding sebelum ini di mana ada yang tampil mengeluarkan wang mereka gara-gara percaya dengan maklumat palsu.

“Sebab itu, saya kecewa terhadap mereka yang percaya hasutan fitnah pihak tertentu sehingga sanggup mengeluarkan wang masing-masing walaupun giliran untuk menunaikan ibadat haji sudah hampir,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meras-

mikan Seminar Pembangunan Islam di Malaysia di Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTMM) di Lubok Jong, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Felo Utama Pusat Kajian Syariah Undang-undang dan Politik Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Prof Shamrahayu Ab Aziz dan Ketua UMNO Bahagian

Rantau Panjang, Datuk Abdullah Mat Yassin.

Mengulas lanjut, Jamil Khir berkata, Tabung Haji diamanahkan untuk mengendalikan simpanan berkonsep wadiah iaitu menjalankan urusan pelaburan serta perniagaan oleh pendeposit dan wang berkenaan tidak boleh sewenang-wenangnya dibelanjakan.

“Kita sebagai penggerak mencari pelabur dan mengutip pulangan sebelum mengagihkan bonus atau dividen kepada penyimpan,” katanya.